

## PENGGUNAAN QALAMIY MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENULIS HURUF MURID BERKEPERLUAN KHAS

### [USING QALAMIY IMPROVES LETTER WRITING SKILLS STUDENTS WITH SPECIAL NEEDS]

NOR AZIMAH AKHARUDDIN<sup>1\*</sup> & MOHD HANAFI MOHD YASIN<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.  
Correspondent Email: mhmy6365@ukm.edu.my

---

*Received: 14 May 2022*

*Accepted: 13 June 2022*

*Published: 20 June 2022*

---

**Abstrak:** Kajian ini dilakukan bagi mengkaji keberkesanan penggunaan alat bantu belajar Qalamiy dalam meningkatkan kemahiran tulisan tangan Murid Berkeperluan Khas (MBK) untuk memegang pensil dengan betul seterusnya membantu mereka membentuk huruf. Objektif kajian adalah mengenalpasti keberkesanan intervensi penggunaan Qalamiy dalam meningkatkan kemahiran menulis huruf dengan kaedah yang betul dan mengenalpasti faktor yang mempengaruhi kemahiran tulisan tangan dalam kalangan murid berkeperluan khas. Satu kajian kes telah dijalankan bagi pengumpulan data secara kualitatif menggunakan senarai semak, temu bual guru dan analisis hasil kerja murid. Kajian ini dilaksanakan terhadap 2 orang murid berkeperluan khas di sebuah sekolah daerah Alor Gajah tanpa mengira latar belakang dan umur murid. Hasil dapatan kajian dianalisis melalui pemerhatian terhadap cara pegang pensil murid, mentranskrip data temu bual dan analisis hasil kerja sebelum dan selepas intervensi. Setelah melalui intervensi selama dua bulan, murid mampu membentuk huruf dengan kaedah dan pegangan pensil yang betul. Intervensi secara berterusan perlu dilakukan untuk memahirkan kemahiran menulis dalam kalangan murid berkeperluan khas. Hasil dapatan mendapati bahawa Qalamiy mampu membantu murid untuk memegang pensil dan menulis huruf dengan betul. Terdapat tiga faktor yang mempengaruhi kemahiran tulisan tangan dalam kalangan murid berkeperluan khas iaitu kaedah pegangan pensil tidak matang atau gaya pegangan pensil yang salah, tiada kesinambungan kemahiran di sekolah dan di rumah, dan tahap ketidakupayaan yang dimiliki oleh setiap murid. Penggunaan alat bantu belajar perlu diaplikasikan kepada murid yang memerlukan agar potensi mereka dapat ditingkatkan seterusnya mampu menguasai pembelajaran. Qalamiy merupakan salah satu alat yang boleh digunakan dalam membantu memegang pensil dengan betul dan diterapkan penggunaannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran harian murid.

**Kata kunci:** Qalamiy, intervensi, kemahiran menulis tangan, membentuk huruf.

**Abstract:** This study was conducted to examine the effectiveness of the use of Qalamiy learning aids in improving the handwriting skills of MBK to hold a pencil correctly and then help them form letters. The purpose of this study was to identify the effectiveness of the intervention using Qalamiy in improving letter writing skills with the correct method and to identify the factors that influence the handwriting skills of students with special needs. A case study was conducted for qualitative data collection using checklists, teacher interviews and analysis of student work. This study was conducted on 2 students with special needs at the Alor Gajah district school regardless of background and age of students. The results of the study were analyzed using the method of observing students holding pencils, writing interview data and analyzing work results before and after the intervention. After going through an intervention for two months, students were able to form letters using the correct method and pencil

grip. Continuous intervention needs to be done to master writing skills among students with special needs. The findings found that Qalamiy was able to help students hold pencils and write letters correctly. The immature way of holding a pencil, lack of continuity of skills at school and at home as well as the disabilities of students with special needs are factors that affect handwriting skills. The use of teaching aids must be applied to increase their potential and then be able to master their learning. Qalamiy is one of the tools that can help hold a pencil properly and can be used for daily teaching process of students.

**Keywords:** Qalamiy, intervention, handwriting skills, letter formation.

**Cite This Article:**

Nor Azimah Akharuddin & Mohd Hanafi Mohd Yasin. (2022). Penggunaan Qalamiy Meningkatkan Kemahiran Menulis Huruf Murid Berkeperluan Khas [Using Qalamiy Improves Letter Writing Skills Students with Special Needs]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(3), 88-101.

## **PENGENALAN**

Pendidikan disediakan kepada semua golongan individu tanpa diskriminasi. Pendidikan berkualiti merangkumi pengetahuan dan kemahiran seimbang dalam melahirkan individu yang berkeperibadian, bertanggungjawab serta mampu mencapai kesejahteraan diri dan masyarakat. Selain daripada pengetahuan intelektual, kemahiran juga merupakan elemen penting yang perlu dititikberatkan dalam pendidikan murid berkeperluan khas (MBK). Hal ini bagi memastikan MBK mampu berdikari dan mencapai kesejahteraan diri. Kemahiran menulis, mengira, membaca dan menaakul (4M) merupakan salah satu kemahiran penting dan sekurang-kurangnya dikuasai pada tahap minima oleh MBK sebelum meninggalkan persekolahan peringkat rendah (Bahagian Pendidikan Khas, 2013).

Penguasaan terhadap kemahiran menulis iaitu literasi dan numerasi digariskan dalam PPPM 2013-2025 merujuk kepada aspirasi bagi mewujudkan murid berpengetahuan dalam menguasai pelajaran teras. Murid mampu menguasai pengetahuan dalam penguasaan literasi dan numerasi selain berkomunikasi dalam dua atau lebih bahasa. Aspirasi murid yang berjaya dikuasai akan mempengaruhi motivasi mereka bagi mencorak masa depan. Pembangunan dan didikan murid ke arah mencapai aspirasi ini membantu melahirkan generasi yang berkemampuan berdaya saing mencapai kesejahteraan diri dan negara. Oleh itu, usaha meningkatkan aspirasi murid dalam pembelajaran adalah amat penting supaya mereka berpeluang meneruskan pendidikan ke tahap yang lebih tinggi.

MBK mempunyai kelainan upaya pelbagai yang boleh membataskan atau meningkatkan potensi mereka. Ketidakupayaan yang membataskan perkembangan mereka seperti sukar menguasai kemahiran literasi dan numerasi. Kemahiran membaca contohnya memerlukan seseorang individu menguasai kemahiran menulis dengan baik. Tulisan tangan yang kurang baik menyebabkan kesukaran memahami dan membaca apa yang ditulis (Hebert, Kearns, Hayes, Bazis & Cooper, 2018). Selain itu juga, kurang penguasaan kemahiran motor seperti psikomotor halus dan kasar menjejaskan kefungsiian otot dan koordinasi anggota badan untuk berfungsi dengan baik (Nurazira & Mohd Mokhtar, 2020).

Oleh itu, pendedahan terhadap perkembangan awal kanak-kanak seperti penyediaan intervensi perlu diberi perhatian, khususnya kepada MBK. Kanak-kanak perlu didedahkan dengan pelbagai kemahiran termasuklah psikomotor halus dan koordinasi mata dan tangan agar

mampu melakukan pergerakan tangan yang stabil seterusnya mampu menulis dengan baik. Intervensi dengan perancangan strategik perlu disediakan bagi memberi impak positif kepada perkebangannya MBK. Intervensi juga dilakukan secara berterusan dan ditambahbaik dari masa ke masa sejajar dengan keperluan dan peningkatan prestasi kanak-kanak tersebut.

Guru dan ibu bapa merupakan individu paling hampir dalam lingkungan kehidupan kanak-kanak. Oleh itu, peranan mereka diperlukan agar setiap keperluan kanak-kanak tersebut boleh dipenuhi dengan kerjasama erat antara kedua-dua belah pihak. Kerjasama dan peranan yang dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh membantu pelaksanaan intervensi yang sejajar masada dilakukan semasa di sekolah atau di rumah. Intervensi, pengukuhan, motivasi dan persekitaran proses pembelajaran kondusif yang disediakan membantu murid untuk lebih bersemangat menyertai aktiviti pembelajaran yang disediakan oleh guru mahupun ibu bapa tanpa mengabaikan tahap dan keperluan seseorang murid tersebut.

## **KAJIAN LITERATUR**

Murid berkeperluan khas (MBK) merupakan individu dengan ketidakupayaan spesifik atau ketidakupayaan pelbagai. Contohnya ketidakupayaan melihat, pendengaran, pertuturan, fizikal, masalah pembelajaran atau kombinasi ketidakupayaan. MBK memerlukan sokongan dalam pembelajaran mengikut tahap keupayaan mereka. Hal ini bagi membantu MBK menyesuaikan diri dalam kehidupan seperti individu normal tanpa berasa asing dalam pelbagai aspek kehidupan. MBK mampu mencapai kesejahteraan hidup dengan cara yang tersendiri (Hazlin & Khairul, 2021).

Peluang pembelajaran khusus bagi MBK disediakan di setiap tahap pendidikan bermula di pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, kolej dan kolej kemahiran sehingga peringkat universiti. MBK diberikan tempat untuk mengembangkan potensi mereka dengan pelbagai sokongan untuk meneruskan pembelajaran mereka. Oleh itu, setiap MBK perlu berusaha dan mengambil peluang yang disediakan. Selain itu juga, guru dan ibu bapa merupakan individu dalam lingkungan rapat murid perlu sentiasa membantu memotivasikan mereka untuk meneruskan pembelajaran sehingga mampu berdikari tanpa mengharapkan bantuan orang lain (Nur Amirah & Siti Khadijah, 2018).

MBK mengalami masalah menulis disebabkan beberapa faktor antaranya ketidakupayaan fizikal dan visual. Murid dengan disleksia misalnya menghadapi kesukaran mentranskrip, penjaan teks dan kurang daya ingatan penglihatan. Oleh itu, mereka sering melakukan kesalahan dalam aspek ejaan, tulisan yang sukar dibaca, susunan ejaan dan kurang mengaplikasikan pelbagai perkataan dalam penulisan mereka. Hal ini menuntut agar guru melaksanakan intervensi pemulihan kemahiran pra tulisan serta melakukan rancangan pembelajaran individu bagi meningkatkan kefahaman dan ingatan murid (Michael, Devin, Joanne, Pamela & Samantha, 2018)

Kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran untuk berkomunikasi dan komponen berbahasa. Kemahiran menulis penting bagi seseorang individu untuk berkomunikasi secara tulisan. Kemampuan menguasai kemahiran menulis bagi setiap individu membantu mereka dalam kelangsungan proses kehidupan seharian mereka (Rini, 2020). Seseorang individu mampu mahir dalam kemahiran menulis tangan dengan kitaran perkembangan psikomotor dan koordinasi mata dan tangan yang normal. Tahap perkembangan

seseorang individu daripada awal peringkat perkembangan kanak-kanak mempengaruhi kemahiran menulis mereka (Dui, Lunardi, Termine, Matteucci, Stucchi, Borghese & Ferrante, 2020).

Menurut Lin, Chen, Chao, Wu, Lin, Hsio, Hsu, Man dan Kuo (2017) prestasi tulisan tangan kanak-kanak tidak bergantung kepada purata daya semata-mata. Kanak-kanak mempunyai struktur variasi daya yang pelbagai terhadap pelarasan tulisan semasa menulis. Kawalan menulis bagi kanak-kanak usia muda lebih rendah berbanding kanak-kanak yang lebih dewasa. Kawalan pengendalian pen atau pensil didapati berkait dengan prestasi motor halus terutamanya dalam aspek ketangkasan manual kanak-kanak pada peringkat usia mereka. Oleh itu, kemahiran manipulasi penting bagi membantu kanak-kanak mewujudkan keupayaan tulisan tangan mereka.

Kanak-kanak menulis menggunakan tangan kiri atau kidal juga dilihat kurang menguasai kemahiran tulisan tangan khususnya dalam pembentukan huruf mengikut urutan yang betul. Kidal dianggap sebagai variasi perkembangan yang terjejas yang mana akan menyebabkan mereka sukar membaca dan menulis, kurang persepsi visual-ruang serta kesukaran koordinasi visual motor. Pembelajaran murid kidal bergantung kepada ciri-ciri perkembangan mereka. Kaedah pengajaran yang tidak konsisten dan keperluan pembelajaran yang kurang mencukupi berisiko mengurangkan kualiti penulisan dan kemahiran membaca mereka (Avezmurodovich, 2020).

Murid juga mengalami kesukaran dalam tempo untuk menulis terutamanya menulis di dalam bilik darjah. Selain itu kemahiran menulis tangan yang kurang dikuasai ini menyebabkan mereka memerlukan masa yang lama dalam menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru. Ketidakeupayaan untuk menulis tangan dengan baik memberi impak kepada ketidakmampuan untuk membaca dan mengira. Kemahiran menulis dengan baik bukan sahaja untuk menyiapkan latihan dan kerja sekolah yang dibekalkan oleh guru. Menulis mampu membantu perkembangan otak untuk berfikir dan menerima maklumat baru seterusnya mampu mengaplikasi pengetahuan tersebut (Suzita & Aliza, 2021)

Menurut kajian Ab. Hamid dan Mohd (2020) menyorkan penggunaan alat bantu mengajar seperti Qalamiy bagi membantu murid menulis dengan genggaman pensil yang betul. Qalamiy merupakan salah satu alat bantu mengajar yang berfungsi sebagai sokongan kepada struktur pegangan pensil. Penggunaan Qalamiy secara berterusan dan berulang kepada murid dijadikan sebagai salah satu pengukuhan tangan dan jari untuk memegang pensil. Qalamiy juga dikategorikan sebagai alat bantuan berteknologi rendah dan mudah diakses dalam meningkatkan kemahiran motor seterusnya membantu murid menulis huruf yang mudah baca dan bermakna.


Reka bentuk Qalamiy direka dengan gabungan elemen ergonomik dan terapi urutan dapat mengurangkan masalah genggaman pra-matang dalam kalangan murid dan memberi terapi kepada tapak tangan Selain mempunyai permukaan lembut dan ketahanan yang kuat, Qalamiy mementingkan fungsi bentuk yang membolehkan murid memegang dengan selesa, kemas seterusnya mampu menulis dengan baik. Penggunaan secara berulang membantu murid mengaplikasikan kaedah pegangan pensil dengan betul secara tekal apabila intervensi dihapuskan.

Keupayaan murid memegang pensil dengan betul penting dan mempengaruhi pembelajaran mereka. Genggaman pensil pra matang menyebabkan murid sukar untuk menulis

dengan baik. Penggunaan Qalamiy dalam intervensi genggaman pensil dilihat mempunyai kualiti bagi membantu murid dengan masalah genggaman pensil. Qalamiy membantu dalam aspek keseimbangan jarak antara perkataan. Penggunaan Qalamiy dalam tempoh yang lama juga mampu meningkatkan kualiti tulisan tangan murid (Ab. Hamid & Mohd, 2020).

Kajian dilaksanakan menggunakan Qalamiy sebagai alat bantu belajar MBK. Ciri-ciri Qalamiy membantu mengukuhkan otot sejajar dengan pendekatan VAKT yang digunakan dalam kajian ini. Selain itu juga, modelling digunakan oleh guru kepada murid dengan menunjukkan cara penggunaan dan cara menulis huruf dengan betul. Pembelajaran disusun bagi memudahkan murid untuk mengikuti fasa pembelajaran iaitu pemerhatian, mengingat, peniruan tingkah laku dan motivasi. Hal ini juga membantu murid untuk memahami aplikasi intervensi yang dijalankan.

VAKT atau Visual, Audio, Kinetik dan tactile merupakan gabungan aplikasi pembelajaran menyeluruh dengan kepelbagaian ransangan bagi meningkatkan sensori psikomotor murid secara maksimum. Penggunaan VAKT mampu memberi tekanan kepada sensori murid supaya lebih aktif dan berfungsi dengan baik (Siti & Mohd, 2020). Penggunaan pendekatan VAKT kepada murid berkeperluan khas memberi impak positif terhadap tingkah laku, mewujudkan suasana kondusif, mempengaruhi emosi serta perkembangan minda dan sosial mereka. Justeru penggunaan Qalamiy digunakan bagi merangsang sensori deria murid disamping kepelbagaian aktiviti yang meningkatkan psikomotor. Namun penggunaan kepelbagaian pendekatan memerlukan pelaksanaan yang spesifik dan sesuai bagi membantu mengurangkan ketidakupayaan murid secara maksimum tanpa memudaratkan mereka (Siti & Mohd, 2020). Pelaksanaan kajian ini dinyatakan dalam kerangka konseptual dalam gambar 1.0.



Gambar 1.0 Kerangka Konseptual

## OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenalpasti keberkesanan intervensi penggunaan Qalamiy dalam meningkatkan kemahiran menulis huruf dengan kaedah yang betul.

## PERSOALAN KAJIAN

- i. Adakah penggunaan Qalamiy dapat meningkatkan kemahiran menulis huruf dengan betul dalam kalangan murid berkeperluan khas.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian dilaksanakan menggunakan reka bentuk kajian kes. Data diperoleh melalui senarai semak sebelum dan selepas intervensi menggunakan alat bantu belajar Qalamiy, temu bual bersama guru dan analisi hasil kerja murid. Kajian ini disertai oleh seorang murid lelaki (A) dan seorang murid perempuan (B) berumur 10 dan 11 tahun yang masih belum menguasai kemahiran menulis huruf. Kategori murid yang dipilih adalah lembam dan autism. Pelaksanaan intervensi dijalankan mengambil masa selama 3 bulan.

Senarai semak yang digunakan dalam kajian ini diadaptasi daripada penilaian Evaluation Tool of Children's Handwriting-Manuscript (ETCM-M) dan diubahsuai mengikut tahap kefungsi murid. Senarai semak digunakan sebelum dan selepas intervensi dijalankan bagi melihat keberkesanan penggunaan Qalamiy terhadap murid. Selain itu juga, temu bual bersama guru ditranskrikan untuk menjawab persoalan kajian terhadap keberkesanan penggunaan intervensi dalam meningkatkan kemahiran menulis huruf dengan betul. Hasil kerja murid juga dibandingkan di akhir kajian bagi melihat peningkatan potensi murid membentuk huruf dengan betul.

Murid	Kategori	Jenis pegangan pensil (sebelum intervensi)
A	Lembam	<i>Quadrupod dinamik</i>
B	Autism	<i>Tripod lateral</i>

Jadual 1.0 Jenis pegangan pensil

## DAPATAN KAJIAN

### SENARAI SEMAK

Hasil daripada senarai semak yang dilaksanakan sebelum dan selepas penggunaan qalamiy terhadap pencapaian murid berkeperluan khas untuk menulis huruf dengan betul adalah seperti dalam jadual 2.0 dan jadual 3.0 berikut:

Murid	Menulis huruf		Menulis angka 1-10	Menyalin huruf dan angka	Menyalin perkataan
	Kecil	Besar			
A	Memerlukan bimbingan garis putus putus	Memerlukan bimbingan garis putus putus	Memerlukan bimbingan garis putus putus	Belum mampu	Belum mampu

B	Memerlukan bimbingan garis putus-putus	Memerlukan bimbingan garis putus-putus	Memerlukan bimbingan garis putus-putus	Belum mampu	Belum mampu
---	--	--	--	-------------	-------------

Jadual 2.0 Senarai semak murid sebelum menggunakan intervensi Qalamiy.

Murid A belum mampu menulis dan menyalin huruf dan angka. Murid memerlukan bimbingan garis putus-putus dalam setiap aktiviti yang memerlukannya menulis dan menyalin. Murid juga sering melakukan perbuatan menekan pensil dan mengulang perbuatan menyurih dalam setiap huruf yang disurih selain menulis menggunakan tangan kiri. Hal ini menyebabkan murid lambat menyiapkan lembaran kerja yang diberikan walaupun dengan bimbingan garis putus-putus.


Murid B juga belum mampu menulis dan menyalin huruf dan angka. Selain itu, murid memerlukan bimbingan garis putus-putus untuk menyiapkan lembaran kerja yang diberikan. Murid tidak mampu memberi tumpuan terlalu lama ketika menulis disebabkan atonic seizure. Murid akan terjatuh secara tiba-tiba ketika menulis atau ketika melakukan aktiviti yang melibatkan tekanan daya tumpuan yang tinggi seperti aktiviti anyaman.

Murid	Menulis huruf		Menulis angka 1-10	Menyalin huruf dan angka	Menyalin perkataan
	Kecil	Besar			
A	a, b, c, d, e, f, g, i, j, n, o, p, q, t, u, x, y, z	D,E,F,O	1,2,0	Belum mampu	Belum mampu
B	a, b, c, d, e, f, i, k, l, m, n, o, p,q, r, s, t,u, v, w, x, y, z	A,B,C,D, E,F,G,I, J,K,L,M, N,O,P,R, S,T,V,W, X,Y,Z	1,2,3,4,5 6,7,8,9,10	Belum mampu	Belum mampu


Jadual 3.0 Senarai semak murid selepas menggunakan intervensi Qalamiy

Berdasarkan dapatan senarai semak murid A boleh menulis huruf kecil a,b,c,d,e,f,g,I,j,n,o,p,q,t,u,x,y,z, huruf besar D,E,F,O. murid juga boleh menulis angka 1,2,0 tanpa bimbingan garis putus-putus. Namun masih belum ada peningkatan dalam aktiviti menyalin huruf, angka dan perkataan.

Murid A




Sebelum intervensi murid hanya boleh menulis dengan bimbingan garis putus-putus dengan pengulangan surih pada garis putus-putus.




Selepas intervensi murid A mampu menulis huruf dengan melihat dan meniru pergerakan tangan guru secara satu persatu dalam membentuk huruf.

Murid B



Sebelum intervensi murid menulis tanpa bimbingan garis putus-putus dan daripada guru. Murid memerlukan bimbingan garis putus-putus untuk membentuk huruf dengan betul.





Selepas intervensi murid B mampu menulis huruf dengan bimbingan dan meniru pergerakan tangan guru untuk membentuk huruf.

## TEMU BUAL

Berdasarkan hasil temu bual bersama seorang guru setelah intervensi dijalankan, terdapat tiga tema dan beberapa sub tema yang diperolehi. Berikut merupakan tema dan sub tema hasil daripada temu bual yang dijalankan untuk menjawab persoalan kajian:

**Tema 1: Penggunaan intervensi Qalamiy membantu meningkatkan potensi murid berkeperluan khas untuk menulis huruf.**

**Sub tema: Kebolehan murid menulis huruf dengan gengaman dan menggunakan kaedah yang betul**

Temu bual bersama guru dan analisis hasil kerja murid, mendapati bahawa terdapat peningkatan daripada intervensi yang telah dijalankan. Murid boleh menulis beberapa huruf dengan gengaman pensil dan kaedah yang betul.

*“...Murid A dah pegang pensil betul dah walaupun guna tangan kiri dia...boleh tulis huruf walaupun tak banyak...tulisan tak berapa cantik lagi tapi dah ikut urutan tulis tu walaupun lambat...”*

*“...Murid B pegang pensil cantik dah...boleh tulis huruf ikut kaedah betul tapi ikut mood dia...masa dia nak tulis baru dia tulis...”*

Hasil temu bual menunjukkan kedua-dua orang murid boleh menulis huruf dengan kaedah yang betul. Kebolehan murid A untuk membentuk huruf juga menunjukkan kesan positif walaupun dengan pegangan pensil menggunakan tangan kiri. Hal ini menunjukkan penggunaan Qalamiy membantu murid untuk memegang pensil dan menulis dengan kaedah yang betul.

**Sub tema: Kebolehan meniru semula kaedah menggunakan Qalamiy dalam kalangan murid berkeperluan khas.**

*“...tapi murid perlukan bimbingan macam model dulu macam mana nak guna...Qalamiy ni ada duri, ke bawah ke atas...lepas tunjuk kedudukan jari dekat mana baru murid boleh guna Qalamiy tu...”*

*“...lepas da tunjuk tu, murid dah pandai sendiri isi jari dia ikut macam yang dah ajar tu... jadi mudah je...cocok dalam pensil tu...pastu betulkan sikit kedudukan pensil dah boleh guna...murid kite takde masalah nak gunakan Qalamiy ni...”*

Penggunaan Qalamiy dilihat mudah diaplikasikan kepada murid berkeperluan khas dan tidak memerlukan langkah yang rumit. Murid juga dilihat mampu menggunakan Qalamiy dengan betul setelah demonstrasi dilakukan oleh guru kepada mereka.

**Tema 2: Faktor mempengaruhi peningkatan kemahiran menulis murid berkeperluan khas.**

**Sub tema: Keperluan intervensi secara berterusan**

Hasil temu bual mendapati terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kemahiran tulisan murid. Murid memerlukan lebih banyak latihan secara latih tubi menulis dan aktiviti psikomotor bukan sahaja di sekolah tetapi juga dilakukan di rumah.

*“...Murid A perlu banyak latihan lagi dekat sekolah dan rumah... tak boleh di sekolah je kite da buat intervensi tapi dekat rumah tak buat dah...esok lupa lagi macam mana na tulis...sebab murid A perlu bimbingan...otot jari dia keraskan kalau suruh tulis tu...kita perlu tengok dia buat satu satu...dalam kelas kena suruh dan tunjuk dia menggunting, main uli doh...”*

*“...Murid B balik sekolah ada pergi taska...jadi dia ikut aktiviti tu secara berterusan ...cikgu dia dah ada banyak aktiviti buat dengan kawan-kawan dia dekat sana...jadi dia mudah nak ikut apa kita ajar sebab psikomotor dia lembut...pegang pensil tak tekan kuat macam murid A...lagi satu dia suka main doh kalau murid A dia lebih suka nyanyi dalam kelas...”*

Hasil temu bual menunjukkan terdapat dua faktor yang mempengaruhi peningkatan kemahiran murid untuk menulis iaitu keperluan aktiviti latih tubi, psikomotor halus dan kasar dalam setiap aktiviti pembelajaran serta kerjasama ibu bapa untuk meneruskan peneguhan intervensi semasa di rumah. Selain itu juga, murid memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar dalam melakukan sesuatu perkara secara terus dan jelas.

### **Sub tema: Gabungjaln aktiviti didik hiburan**

Berdasarkan temu bual, guru menyarankan pelbagai aktiviti didik hiburan diselitkan samasa intervensi menulis. Murid berkeperluan khas mempunyai emosi yang tidak stabil dan mudah dipengaruhi oleh persekitarannya.

*“... murid A dan B suka muzik, suka nyanyi...kalau ajar dia tulis perlu bagi dia masa 5 minit rehat nyanyi ke main tepuk tepuk ke supaya dia tak cepat bosan...tunjuk satu satu macam mana na tulis tu bagi dia ikut pun kena juga...”*

*“...lembaran kerja kene berlainan...kalau tulis a, template bagi lain lain...esok template gambar lain...sebab diorang suka komen buat kerja sama walaupun belum kuasai...sambil-sambil tulis buka lagu didi and friend abc tu suka la dia...”*

Penerapan didik hiburan membantu emosi murid untuk mengikuti aktiviti intervensi yang dijalankan. Kepelbagaian penerapan dan bahan bantu mengajar dapat meningkatkan dan mengekalkan minat murid mengikuti pengajaran guru.

### **Tema 3: Cabaran menulis menggunakan Qalamiy dengan kaedah yang betul**

Hasil temu bual mendapati bahawa terdapat cabaran bagi guru untuk menggunakan intervensi secara berterusan dalam satu-satu masa pembelajaran. Guru menyatakan murid sukar membiasakan diri untuk menulis menggunakan Qalamiy berikutan saiz jari mereka.

*“...Murid A tu... kalau kite tengok dia buat kerja baru nak buat betul-betul pengang pensil betul, tulis betul... kalau tak nanti kita dah leka buat bende lain...dia mula balik apa dia buat...pusing-pusing jari dia baru dia tulis balik...jari dia besar na masuk dalam lubang tu kadang berpeluh dia tak suka...”*

*“... Murid B pulak... masa dia nak belajar boleh dia buat, boleh tulis... tapi tak lama dia main Qalamiy tu tanya ni apa... cikgu ni...cikgu tu... tunjuk satu satu badan alat tu tapi tulisnya tak...”*

*“...Murid A dan B perlu lebih masa dengan tunjuk satu-satu nak bagi dia faham proses menulis guna bantuan alat...”*

Guru menyatakan bahawa murid dapat memegang pensil dengan baik apabila menggunakan Qalamiy. Peneguhan dan panduan untuk menulis dilakukan secara berterusan agar mereka memahami dan mengingati cara pengangan pensil yang betul semasa menulis. Namun murid juga dilihat mudah berhenti untuk membetulkan semula kedudukan jari mereka semasa menulis. Selain itu juga, jari yang senang berpeluh membuatkan murid rimas untuk

menggunakan Qalamiy. Murid juga suka mencari alasan untuk tidak menulis menggunakan Qalamiy yang dibekalkan.

## **PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

Penggunaan Qalamiy mampu membantu murid berkeperluan khas untuk membentuk huruf dengan gengaman pensil yang betul, struktur Qalamiy membantu murid meletakkan jari murid pada posisi yang sesuai. Hal ini boleh dilihat daripada reka bentuk lubang jari yang berlainan saiz dan jarak kedudukan jari untuk memberi impak tekanan dalam proses menulis (Gunarhadi, Hremawan, Mahardika, Dewi & Hanafi. 2017) Namun begitu, berdasarkan hasil kajian mendapati saiz jari juga mempengaruhi kesesuaian penggunaan Qalamiy terhadap murid. Kedalaman lubang jari pada alat Qalamiy yang tidak sepadan dengan jari murid menyebabkan murid kurang selesa untuk menggunakannya. Selain itu, penggunaan Qalamiy dalam tempoh yang lama dan keadaan tangan yang mudah berpeluh menyebabkan murid kurang selesa, sering menukar dan membetulkan kedudukan jari semasa menulis.

Penggunaan Qalamiy secara berterusan dan digabungkan dengan kepelbagaian aktiviti membantu murid mengekalkan minat dan mood mereka. Menurut Hazlin dan Farhah (2021) mengekalkan motivasi seseorang individu mempengaruhi keberhasilan yang diinginkan. Murid berkeperluan khas memerlukan kepelbagaian aktiviti rangsangan untuk merangsang deria mereka. Penggunaan alat audio visual membantu mereka memaksimumkan potensi (Sajida, Achmad & Slamet, 2019). Sejajar dengan model VAKT yang merangsang kepelbagaian kefungsi murid dalam melakukan sebarang aktiviti selain mempengaruhi suasana pembelajaran kondusif dan ceria.

Aplikasi Qalamiy terhadap murid yang menggunakan tangan kiri semasa menulis juga dilihat tidak memberi kesan negatif. Hasil kajian menunjukkan murid kidal mampu menulis dengan baik tanpa memberi tekanan pada pensil dan menulis secara berulang seperti sebelum menjalani intervensi. Hal ini dapat dilihat daripada perbandingan hasil kerja murid sebelum dan selepas menjalani intervensi. Menurut Avezmurodovich (2020) murid dengan tangan kidal boleh menulis dan membaca dengan baik bergantung kepada ciri perkembangan dan keadaan pembelajaran. Oleh itu, cara pengajaran guru perlu diteliti agar sesuai dengan ciri perkembangan yang diperlukan oleh murid seterusnya membantu murid kidal untuk mampu membentuk huruf dengan baik sama seperti murid yang menulis dengan tangan kanan.

Aktiviti peniruan atau modelling terhadap setiap pengajaran mampu memberi panduan secara terus kepada murid. Murid berkeperluan khas khususnya murid yang berada pada tahap rendah memerlukan bimbingan secara *one-to-one* untuk lebih memahami sesuatu proses dan keadaan. Penggunaan Qalamiy dengan bimbingan dan perhatian guru yang berterusan dari masa ke masa mampu membantu murid untuk terus tekal dalam mempraktikkan kaedah yang betul tanpa kembali kepada tabiat pegangan pensil yang salah.

Menurut Primus. V dan Mosin. M (2021) modelling dan bimbingan secara individu mampu membantu murid memahami dan melaksanakan aktiviti secara terus serta dapat memberi perhatian penuh terhadap pembelajaran mereka. Selain itu, pengulangan latihan menulis bagi MBK juga merupakan perkara yang perlu diberi perhatian. Aktiviti pengulangan bertujuan untuk memahirkan murid menulis disamping meningkatkan koordinasi serta menguatkan ingatan dalam struktur penulisan huruf (Ab. Halim & Mohd Hanafi, 2020).

Kesimpulannya, penggunaan Qalamiy membantu murid memegang pensil dengan dan menulis huruf mengikut kaedah yang betul. Intervensi dan alat bantu belajar sesuai dengan tahap dan keperluan MBK. Intervensi yang dijalankan juga memerlukan rekod peringkat perkembangan penguasaan murid agar setiap potensi dapat ditingkatkan dari masa ke masa. Oleh itu perancangan jangka pendek dan panjang penting bagi memastikan intervensi yang dipilih benar-benar berkesan dan memberi kesan positif kepada kemahiran menulis murid. Gabungkan aktiviti pembelajaran yang sesuai secara langsung dan tidak langsung membantu kesediaan murid dalam menyesuaikan fizikal dan psikomotor untuk mempelajari sesuatu perkara atau kemahiran baru.

## RUJUKAN

- Ab. Halim A. Hamid & Mohd Hanafi Mohd Yasin. 2020. Teacher Information about Handling Writing Teaching Classification of Special Educational Educationals with Learning. *Global Conferences Series: Social Sciences, Education and Humanities. International Conference on Special Education in South East Asia Region 10th Series 2020*. Hal: 471-476.
- Avezmurodovich, Q. R. 2020. Difficulties in Learning to Write and Read Left-Handed Children. *European Journal of Research and Reflection in Educational Sciences*. 8(8): 40-45.
- Bahagian Pendidikan Khas. 2013. *Garis Panduan Program Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas. Edisi Percubaan*. Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Gunarhadi, Hermawan, Mahaedika, Dewi Sri Rejeki & Hanafi Yasin. 2017. Media-Need Assessment for Children with Learning Disabilities (A Case Study on Scaffolding Children with Dysgraphia in Inclusive Schools). *International Journal of Education, Psychology and Counselling*. 2(6): 131-137.
- Hazlin Haris & Khairul Farhah Khairuddin. 2021. Pelaksanaan Pedagogi Inklusif bagi Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. 6(2): 197-210.
- Hebert, M., Kearns, D. M., Hayes, J. B., Bazis, P., & Cooper, S. 2018. Why children with dyslexia struggle with writing and how to help them. *Language, Speech, and Hearing Services in Schools*. 49(4): 843-863.
- Jung, P. G., McMaster, K. L & DelMas, R. C. 2016. Effects of Early Writing Intervention Delivered Within a Data-Based Instruction Framework. *Exceptional Children*. 83(3): 281-297.
- Lin, Y. C., Chao, Y. L., Wu, S. K., Lin, H. H., Hsu, C. H., Hsu, H. M. & Kuo, L. C. 2017. Comprehension of Handwriting Development: Pen-Grip Kinetics in Handwriting Tasks and its Relation to Fine Motor Skills Among School-Age Children. *Australian Occupational Therapy Journal*. 64(5): 369-380
- Dui, L. G., Lunardini, F., Termine, C., Matteucci, M., Matteo, M., Stucchi, N., Borghese, N. A. & Ferrante, S. 2020. A Tablet App for Handwriting Skill Screening at the Preliteracy Stage: Instrument Validation Study. *JMIR Serious Games*. 8(4): 1-14

- Nur Amirah Jasmi & Khadijah Amat @ Kamaruddin. 2018. Penglibatan Ibu Bapa dalam Program Intervensi Awal Murid Berkeperluan Khas. *Wacana Intelektual Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu Melaka*. 23:15-25.
- Nurazira Abdull Halim & Mohd Mokhtar Tahar. 2020. Fine Motor Skills Through Art Therapy: A Casestudy. *Social Sciences, Education and Humanities (GCESSSEH)*. *International Conference on Special Education In South East Asia Region 10th Series 2020*. 4:129-135.
- Primus. V & Mosin. M. 2021. Strategi Pengurusan Evidens Pentaksiran Bilik Darjah Murid Berkeperluan Khas dalam Program Inklusif Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. 6(9): 282-293.
- Rini. 2020. Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Arab Aplikatif. Pembelajaran Bahasa Arab di Era Revolusi Industri 4.0. *Al-Muktamar As-Sanawi li Al-Lughah Al-Arabiyyah (MUSLA)*. 1(1): 18-42.
- Sajida Laila Hanif, Achmad Hilal Madjdi & Slamet Utomo. 2019. The Vakt Model Based on Psycholinguistic Review for Overcoming Dyslexia Children. *Proceeding of the 2nd International Conference Education Culture and Technology*. 46-56.
- Siti Zunaida Yusop & Mohd Hanafi Mohd Yassin. 2020. Sensory Garden Approach to Increase Autism Students' Learning Focus in Primary School. *Social Sciences Education and Humanities*. 4: 178-185.
- Suzita Samsudin & Aliza Alias. 2021. Pengetahuan Terhadap Disleksia dalam Kalangan Ibu Bapa di Sebuah Sekolah Rendah. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. 5(2): 201-213.